

ORIENTALIS TERHADAP AGAMA ISLAM (BAHAGIAN 1)

Mohamad Nabil Haikal Bin Abdah
Pusat Islam & Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Pahang
nabil.albakri99@gmail.com

Pendahuluan

Terdapat banyak kajian dan penulisan yang dilakukan oleh para ilmuan berkenaan dengan Al-Quran. Tidak ketinggalan juga dengan golongan Orientalis yang mengkaji Al-Quran untuk melemahkan dan merosakkan pegangan umat Islam secara khususnya terhadap mushaf Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw. Bagi menjayakan misi mereka, Orientalis mengkaji Al-Quran dari sudut-sudut lemah yang ada di dalam sumber ini dan membuat tanggapan mereka sendiri. Kemudian mereka cuba menimbulkan keraguan terhadap Al-Quran dan melemahkan umat Islam dengan keyakinan yang mereka cipta terhadap Al-Quran. Golongan Orientalis ini juga, bukan sahaja mengkaji Al-Quran untuk menggugat kebenarannya sebagai sumber wahyu yang pertama dan sumber perundangan Islam, malah mereka juga mengkaji As-Sunnah iaitu Al-Hadis untuk menimbulkan keraguan yang sama, kerana As-Sunnah dianggap oleh umat Islam sebagai wahyu dan juga sumber kedua perundangan di dalam Islam. Golongan ini juga mengkaji beberapa aspek lain tentang Syariah, contohnya di dalam hukum *Ikhtilaf* (perbezaan pendapat antara para ulama'), dengan tujuan ingin melemparkan fitnah bahawa Syariah Islam ini tidak mempunyai asas yang kukuh sehingga para ulamanya terpaksa berbeza pendapat dan seterusnya membawa kepada perpecahan. Semua ini tidak boleh dipandang kecil oleh umat Islam pada masa kini, kerana ianya adalah suatu ancaman dan penghakisan besar kepada kelangsungan syariat Islam, yang boleh menyesatkan dan membinasakan umat Islam itu sendiri.

Pengenalan Orientalisme

Menurut kamus dewan edisi keempat Oriental bagi segi bahasa membawa maksud ketimuran atau nilai yang berkaitan ciri, gaya, pandangan dan tingkah laku yang berasaskan dengan bangsa timur, manakala ‘-isme’ pula akhiran asing membawa maksud kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan. Perkataan Orientalisme adalah asal dari perkataan ‘Orient’ yang bererti Timur yang diambil daripada Bahasa Perancis kemudian dipergunakan dalam pelbagai bahasa di Eropah termasuk Inggeris. Orientalis adalah kata sifat yang bermakna sesuatu yang bersifat ketimuran. Tambahan kata ‘-isme’ (Belanda) atau ‘-ism’ (Inggeris) menunjukkan satu fahaman (aliran pemikiran) ajaran atau amalan.

Dari segi istilah, Orientalisme atau dalam bahasa Arab, ‘*al-‘Istisyraq’*, merupakan ilmu Timur atau ilmu yang berhubung dengan dunia Timur. Perkataan ‘*mustasyriq*’ dengan makna yang umum digunakan kepada setiap orang Barat yang pakar dalam mengkaji ilmu Timur sama ada kepakarannya itu sudah sampai kemuncak atau pertengahan, ataupun yang rendah sekali dalam bidang bahasa, sastera, tamadun dan agama. Menurut Mahmud Hamdi Zaqzuq di dalam bukunya “Orientalisme Kesan Pemikirannya terhadap Tamadun Islam” orientalisme ialah kajian Barat yang berhubung dengan Islam sama ada dalam bidang bahasa, sastera, sejarah, aqidah, syariah, tamadun secara umum. Tambahan lagi, maksud orientalis secara umumnya ialah para ilmuwan barat yang melakukan penyelidikan dan pembelajaran terhadap dunia timur dalam semua aspek. Manakala maksud secara khususnya pula ialah penyelidikan dan pembelajaran orang-orang barat terhadap dunia Timur Islam dari segi bahasa, sastera, sejarah, akidah dan syariahnya.

Menurut Joesoef Sou’yb, mendefinisikan orientalisme sebagai suatu kegiatan penyelidikan ahli-ahli ketimuran di Barat tentang agama-agama di Timur, khususnya mengenai agama Islam. Manakala bagi Edward Said pula di dalam bukunya *Orientalisme: Western Conceptions of the Orient* pada tahun 1995, mendefinisikan bahawa orientalisme merupakan suatu kaedah untuk memahami dunia Timur berdasarkan pengamatan masyarakat Barat. Pandangan Edward Said ini merangkumi kepada tiga hal yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain, iaitu:

1. Orientalis merupakan individu yang mengajar, menulis sebuah karya atau melakukan rangkaian penyelidikan tentang dunia Timur. Golongan ini terdiri daripada ahli antropologi, sosiologi ataupun filologi.

2. Orientalisme adalah kaedah pemikiran yang berdasarkan kepada perbezaan ontologisme dan epistemologi antara dunia Timur dan Barat.
3. Orientalisme merupakan kaedah orang Barat untuk mendominasi, merestrukturisasi dan menguasai masyarakat Timur. Ianya berkepentingan mencipta pernyataan-pernyataan mengenai dunia Timur khususnya berkaitan agama serta mereka mengajari dan menguasai dunia Timur seterusnya mengubah mengikut kehendak mereka.

Sejarah Perkembangan Orientalisme

Menurut Muhammad Shahrafik Bin Ab Kadir di dalam jurnalnya “*Orientalisme Dan Pengaruh Salah Faham Terhadap Agama Islam*” mengatakan bahawa fahaman orientalisme mula dikenali dan diketahui umum pada akhir kurun ke-18 Masihi. Ia tersebar secara meluas di Britain pada tahun 1779 dan kemudiannya menular ke Perancis pada tahun 1799. Ia mula diguna pakai oleh dunia akademik di Perancis apabila entri ini dimasukkan ke dalam kamus pada tahun 1838.

Menurut Hasan Abdul Rauf M. El-badawiy dan Abdurrahman Ghirah didalam buku mereka iaitu “*Orientalisme dan Missionarisme : Menelkung Pola Pemikiran Umat Islam*” menulis bahawa para intelektual telah bersepakat mengatakan pendeta-pendeta Yahudi dan rahib-rahib Kristian yang memainkan peranan utama dalam perkembangan gerakan ini. Selain itu juga, penjajahan merupakan faktor utama kemunculan gerakan ini selain faktor permusuhan dan kebencian mereka terhadap Islam dan penganutnya yang menjadi batu asas kepada kelahiran pemikiran Orientalisme. Tidak diketahui secara pasti, siapakah tokoh barat yang pertama mempelajari Orientalisme dan bila waktunya. Teori yang dikenal pasti buat masa kini adalah sejak para sarjana Barat mengunjungi Andalusia untuk mempelajari Islam, menterjemahkan Al-Quran dan buku-buku kesusasteraan yang berbahasa Arab ke dalam bahasa masing-masing. Mereka juga turut berguru dengan ulama-ulama Islam dalam pelbagai disiplin ilmu khususnya falsafah, kedoktoran dan metafizik.

Manakala menurut Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Badlidisham Mohd Nasir mengatakan bahawa adalah sukar untuk para pengkaji sejarah menentukan tarikh yang tepat bermulanya gerakan Orientalisme. Sesetengah pengkaji menyatakan permulaan lahirnya Orientalisme secara rasmi ialah ketika Revolusi Perhimpunan Gereja di Vienna pada tahun 1312 Masihi yang mana ia bertujuan, pada mulanya, mengkaji tentang ilmu dan kebudayaan Arab, Greek, Yahudi, Syria yang berpusat di beberapa kota di Eropah antaranya Paris, Oxford, Bologna, Avignon dan Salamanca dan ini merupakan faktor utama kajian tentang Timur bermula. Sungguhpun begitu, para intelektual dari Eropah masih lagi berselisih pendapat tentang tarikh sebenar dan tidak bersetuju dengan tarikh kemunculan Orientalisme, dan pengkaji-pengkaji mereka masih mencari tarikh sebenar kemunculan Orientalisme secara tepat.

Walaupun bagaimanapun, tidak dinafikan faktor lain yang menyebabkan kemunculan orientalisme Barat adalah melalui pertentangan yang berlaku di antara Islam dan Kristian di Sepanyol dan Sevilla sebagaimana di dalam Perang Salib telah mendorong orang Eropah untuk berusaha mempelajari ajaran Islam dan adat resamnya. Oleh yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa tarikh awal gerakan orientalis ialah tarikh pertentangan antara agama Kristian di Barat dengan agama Islam di Timur daripada aspek agama dan ideologi sejak kurun pertengahan.

Lewat abad ke-18 Masihi, para orientalis mengubah strategi mereka dengan menampilkan wajah baru orientalisme dengan membebaskannya dari tujuan missionary kepada arah penelitian ilmiah sahaja. Maka berkembanglah institusi-institusi Orientalisme di Eropah. Contohnya, di Jerman sendiri, pusat-pusat kajian Islam terus berjalan dan berkembang di bawah naungan universiti dengan pelbagai nama seperti Semistik, Orientalistik, Arabistik ataupun Islamwissenschaft. Mereka menekankan penguasaan bahasa-bahasa utama seperti Arab, Parsi, Turki, Hebrew, dan Syriac. Hal ini penting menurut mereka bagi mengkaji kesusasteraan langsung dari sumber aslinya.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa Orientalisme berkembang atas pelbagai faktor, dan faktor paling ketara adalah faktor agama yang diberi penekanan dalam kajian mereka, khususnya agama Islam. Hal ini kerana mereka masih lagi terkesan dengan siri peperangan Salib di antara umat Islam pada ketika itu, mereka cuba mengubah strategi penjajahan mereka dari peperangan kepada serangan pemikiran dari akar umbi umat Islam serta mengelirukan dan memecah belahkan umat Islam dengan pelbagai keraguan dan persoalan hasil kajian mereka terhadap umat Islam.